

# PM gesa penjaja baiki pencapaian

**K**UALA LUMPUR 22 Feb. — Perdana Menteri, **Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad** menggesa para penjaja memperbaiki lagi pencapaian mereka untuk menarik lebih ramai pelanggan.

Beliau berkata, ini boleh dilakukan dengan mencantikkan lagi gerai mereka dengn menjadikan gerai mereka lebih bersih dan teratur.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Jalan Petaling '92 di sini malam ini, Dr. Mahathir berkata, belidu puas hati dengn prestasi penjaja pada masa ini kerana ianya adalah lebih baik dari masa-masa dulu.

"Kdlau kita naikkan sedikit harga jualan kita seiepas gerai kita dicantikkan dan lebih bersih serta terdtui, para pelanggan tentu tidak akan merungut walaupun mereka terpaksa membayar lebih sedikit," katanya.

Terdahulu daripada itu, dalam ucapan perasmian, beliau berkata, kerajaan memang menyokong aktiviti penjaja dan tidak berniat untuk menghapuskan penjaja.

Sehubungan dengan itu, beliau menggesa para penjaja memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) supaya mereka dapat ditadbir dengan baik.

Menyentuh tentang karnival yang diadakan hari ini, beliau berkata, ianya bukan hanya membawa manfaat kepada penjaja tetapi kepada Kuala Lumpur sendiri.

Katanya, ini kerana karnival seperti ini jika diadakan setiap tahun, sudah pasti ianya akan menarik lebih ramai pelancong datang ke Kuala Lumpur.

"Jalan Petaling hendaklah dicantikkan lagi dan usaha hendaklah dibuat supaya sepanjang jalan ini didirikan bumbung supaya orang ramai masih boleh membeli belah walaupun hari hujan.

"Kedai-kedai sepanjang jalan ini pula hendaklah dicat selalu supaya ianya lebih menarik kelihatan cantik sepanjang tahun," jelasnya.

Karnival selama lapan hari ini adalah anjuran Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur, selain dari diadakan pusat jualan para pengunjung juga akan dipersembahkan dengan persembahan kebudayaan dari pelbagai kaum.

Sebahagian hasil dari jualan sepanjang karnival ini akan didermakan kepada Yayasan Kebajikan Negara dan Yayasan Biasiswa Kelab Rotary Pudu.